

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 05 APRIL 2018

MUKA SURAT: 29

Rempuh pejalan kaki tiga parah

Oleh MUHAMMAD
AZRUL MOHD. RADI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 APRIL

MALANG tidak berbau. Seorang lelaki yang sedang berjalan di hadapan Hotel Corus, Jalan Ampang di sini cedera parah selepas dirempuh sebuah kereta Perodua Myvi yang tiba-tiba hilang kawalan pagi ini.

Akibat rempuhan kira-kira pukul 7.15 pagi itu, Muhamad Amirul Zahari, 30-an, terperosok di bawah kereta tersebut.

Pemandu Perodua Myvi, Nur Akmal Sa'don, 30-an dan rakan wanitanya, Nur Nazlin Alfira Nazari, 21, turut cedera parah dalam kejadian tersebut.


Pengarah Jabatan Bomba dan

Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur, Khirudin Drahan berkata, sebanyak enam orang anggota bomba dari Balai Bomba Jalan Tun Razak tiba di tempat kejadian sejurus menerima panggilan berhubung kejadian.

"Ketika di lokasi, mangsa sudah berada di bawah kereta dan anggota bomba menggunakan peralatan khas 'air lifting bag' untuk mengangkat kereta bagi mengeluarkan mangsa.

"Satu alat pemotong khas 'rescue cutter' dan 'spreader' juga terpaksa digunakan untuk mengeluarkan mangsa pemandu dan penumpang kereta," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Khirudin, kesemua mangsa yang cedera dihantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk rawatan.



ANGGOTA Bomba mengeluarkan mangsa yang terperosok bawah kenderaan selepas dirempuh di hadapan Hotel Corus, Jalan Ampang, Kuala Lumpur semalam. - IHSAN BOMBA